



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

ANUGERAH SAINTIS MUDA NEGARA : LIMA KATEGORI BAHARU DIPERKENALKAN

PUTRAJAYA, 27 Ogos 2024 – Sebanyak lima (5) kategori baharu diperkenalkan bagi Anugerah Saintis Muda Negara (ASMN) pada tahun 2024 berbanding dua (2) pada penganugerahan sebelum ini. Lima kategori utama iaitu ASMN kategori Biologi, Fizik, Kimia, Perubatan dan Kejuruteraan.

Anugerah Saintis Negara merupakan inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi mengiktiraf serta menghargai kerja dan pencapaian yang cemerlang oleh saintis muda dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) STI negara. Anugerah ini menggalakkan penjanaan pengetahuan baharu dalam bidang sains untuk memastikan Malaysia berdaya saing dengan negara luar terutamanya dalam bidang R&D.

Selain itu penganugerahan ini merupakan satu persediaan untuk menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan dengan mengetengahkan hasil penyelidikan berpotensi dalam menyelesaikan masalah seharian. Menerusinya, Malaysia mampu melahirkan saintis-saintis muda negara yang mempunyai daya cipta tinggi dalam meningkatkan ekonomi negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan makmur selaras konsep Malaysia MADANI.

Pada tahun 2023, sebanyak 18 pencalonan bagi Anugerah Saintis Muda Negara telah diterima di mana sebanyak 11 pencalonan adalah bagi kategori Sains Fizikal dan 7 pencalonan adalah dalam bidang Sains Hayat.

Penganugerahan Anugerah Saintis Muda Negara 2023 kategori Sains Hayat telah diberikan kepada kajian bertajuk Nurturing A Green Future: Unleashing the Power of Graphitic Carbon Nitride-Based Photocatalyst for Efficient Artificial Photosynthesis in Revolutionizing Malaysia's Sustainable Energy Generation and Circular Economy oleh YBrs. Chm. Dr. Mohamad Azuwa Bin Mohamed daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala kajian bertajuk Advancing Translational Research in Snake Venom Toxinology: Pioneering a Holistic Approach to Combat Snakebite Envenoming in Southeast Asia bagi Anugerah Saintis Muda Negara 2023 kategori Sains Fizikal dimenangi oleh YBrs. Prof. Madya. Dr. Tan Kae Yi dari Universiti Malaya.

Pendaftaran calon untuk anugerah-anugerah ini telah dibuka dan boleh dibuat menerusi laman web www.mosti.gov.my sehingga 13 September 2024.

TAMAT

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
27 OGOS 2024**